

NO. SOALAN: 394

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

SOALAN : 394

Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [Sipitang] Minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kerajaan negeri, Kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan yang sudah menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) sehingga kini dan apakah tindakan yang boleh dikenakan jika ada pihak yang enggan berbuat demikian.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang Berhormat,

Sehingga 23 Februari 2018, individu-individu daripada 1,966 buah agensi Kerajaan, badan berkanun dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) di seluruh negara telah menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR).

IBR adalah suatu pernyataan komitmen yang dilandaskan oleh kesadaran (*conscience*) moral individu dan disokong oleh tanggungjawab sosial organisasi. Menandatangani IBR adalah refleksi sikap positif individu-individu yang didorong oleh rasa kesadaran dan keinginan untuk membebaskan diri, organisasi serta negara dari belenggu rasuah. IBR ini tidak bersifat punitif atau berunsur paksaan. Oleh yang demikian, tidak ada tindakan undang-undang mahupun penalti dikenakan jika mana-mana individu atau organisasi enggan menandatangani IBR.

Adalah diharapkan bahawa individu-individu yang menandatangani IBR benar-benar menghayati ikrar dan menzahirkan ikrar mereka.

Sekian, terima kasih.